

**PENGAPLIKASIAN KEMAHIRAN AMALI MATA PELAJARAN  
KEMAHIRAN HIDUP DI DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN  
PELAJAR PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH  
PEMBELAJARAN DI TIGA BUAH SEKOLAH DI JOHOR BAHRU, JOHOR**

Oleh

Zainudin bin Hassan  
Sanitah Bt. Mohd Yusof  
Sabilah bt. Wahab

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
81310 SKUDAI, JOHOR**

***ABSTRAK***

*Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran mengenai mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian telah dijalankan di tiga buah sekolah di daerah Johor Bahru, Johor. Objektif kajian ialah, Pertama untuk mengkaji adakah pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pendidikan berminat dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kedua, mengkaji adakah pelajar memahami isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup dan, Ketiga, ialah adakah pelajar dapat mengaplikasi kemahiran amali mata pelajaran ini dalam kehidupan seharian. Borang soal selidik yang dibina sendiri telah diedarkan kepada 30 responden. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS for Window version 13. Hasil menunjukkan responden berminat belajar mata pelajaran kemahiran hidup berdasarkan skor min 2.80 dan berada pada tahap tinggi. Responden juga memahami isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup yang diajar oleh guru pada skor min 2.98 juga pada tahap yang tinggi. Pelajar juga mengaplikasikan bahagian amali mata pelajaran ini pada kehidupan seharian mereka pada skor min 2.86. Kertas kerja ini juga mencadangkan supaya isi kandungan mata pelajaran perlu disesuaikan dengan tahap pelajaran dan perkembangan pendidikan semasa.*

**Pengenalan**

Setiap pelajar di Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan tidak mengira umur, jantina atau pun bangsa. Dasar Pendidikan Negara menginginkan pelajarannya maju dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial. Walaupun begitu, terdapat

segolongan pelajar yang dilabelkan pelajar istimewa atau khas. Pelajar ini sebenarnya juga mempunyai keistimewaan seperti pelajar lain, tetapi mereka sering dianggap lemah, mundur atau lambat. Pelajar ini sebenarnya perlu diberi perhatian dan galakkan supaya dapat memberi sumbangan kepada negara sebagaimana pelajar normal yang lain.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, Jilid 41, No. 26, Tambahan No. 94, Perundangan (A) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1998 di bahagian II menyatakan “Dalam melaksanakan kurikulum pendidikan, guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa bagi aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan Pendidikan Khas”.

Kanak-kanak istimewa yang memerlukan Pendidikan Khas boleh dibahagikan kepada 7 kategori iaitu:

- 1) Kanak-kanak cerdas – pintar dan berbakat istimewa
- 2) Kanak-kanak cacat fizikal (Psikomotor atau neurosisi)
- 3) Kanak-kanak cacat penglihatan
- 4) Kanak-kanak cacat pendengaran dan masalah komunikasi
- 5) Kanak-kanak kecelaruan tingkahlaku (Behavioural disorders)
- 6) Kanak-kanak bermasalah pembelajaran (Learning disabilities)
- 7) Kanak-kanak kerencatan akal (Mentally retarded)

Kanak-kanak istimewa ini sebagaimana kanak-kanak lain akan menjalani persekolahan bermula dengan Pra sekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Kanak-kanak ini boleh memasuki prasekolah melalui Program Pra Sekolah di sekolah Pendidikan Khas. Mereka mestilah berumur 6 tahun hingga 14 tahun. Mereka mestilah disahkan oleh pengamal perubatan sebagai kanak-kanak istimewa. Kanak-kanak tersebut juga boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain.

Apabila tamat pra sekolah, kanak-kanak Pendidikan Khas boleh memasuki sekolah rendah mengikuti aliran akademik. Syarat yang sama seperti pra sekolah perlu diikuti iaitu, berumur 6 hingga 14 tahun, disahkan oleh pengamal perubatan dan boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. Kementerian telah menyediakan pelbagai kemudahan termasuklah asrama dan

makan minum secara percuma. Murid yang mengikut Program Pendidikan Khas Integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternative.

Setelah tamat pelajaran peringkat sekolah rendah, pelajar Pendidikan Khas boleh memasuki pelajaran peringkat menengah. Syarat yang dikenakan iaitu berumur 13 hingga 19 tahun, disahkan oleh pengamal peubatan dan boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. Kementerian telah menyediakan 2 jenis aliran pelajaran peringkat Sekolah Menengah iaitu aliran akademik dan vokasional. Aliran akademik boleh diikuti di sekolah menengah akademik biasa dan vokasional di sekolah menengah teknik yang terlibat. Tempoh pengajian pelajar Pendidikan Khas berbeza dengan pelajar normal yang lain. Pengajian peringkat sekolah rendah adalah enam tahun. Manakala peringkat menengah pula adalah lima tahun. Tempoh ini boleh dilanjutkan hingga 2 tahun maksimum di mana-mana, peringkat sama ada sekolah rendah atau menengah mengikut keperluan pelajar berkenaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1986 mengeluarkan Falsafah Pendidikan Khas iaitu “Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara”.

### **Latar Belakang Masalah**

Program Pendidikan Khas di Malaysia dilaksanakan melalui 3 program iaitu:

1. Program pendidikan inklusif bagi murid-murid dengan keperluan khas yang boleh menghadiri kelas biasa bersama-sama dengan murid biasa.
2. Program percantuman di sekolah biasa bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan, kecacatan pendengaran atau mempunyai masalah pembelajaran.
3. Program yang disediakan di Sekolah Khas bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan atau kecacatan pendengaran.

Di dalam kajian ini, penyelidik membincangkan Program Integrasi bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas (masalah pembelajaran) yang belajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah harian biasa. Kanak-kanak bermasalah pembelajaran boleh dikategorikan mengikut kebolehan fungsi kemahiran berikut:

1. Kebolehan kognitif
2. Kebolehan menggunakan bahasa dan pertuturan
3. Penguasaan kemahiran matematik
4. Penguasaan kemahiran membaca
5. Pengurusan kemahiran berinteraksi yang sesuai
6. Kemahiran mengikut umurnya
7. Darjah kebolehan penglihatan
8. Darjah keupayaan pendengaran

Jika dilihat secara kasar, pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran mempunyai tingkah laku yang berlainan daripada pelajar normal. Terdapat ciri-ciri pelajar bermasalah pembelajaran iaitu:

1. Kelakuan yang terlampau aktif
2. Tidak mempunyai gerakbalas (kaku)
3. Tidak ada motivasi atau daya penggerak dalam diri
4. Tidak ada kordinasi (penyelaras motor, mata dan tangan)
5. Terlampau berhati-hati dan teliti
6. Tidak boleh menumpukan perhatian
7. Gangguan dalam ingatan
8. Terlampau menumpukan perhatian
9. Gangguan dalam pendengaran dan penglihatan
10. Tidak boleh bertindakbalas dengan alam sekeliling
11. Lemah dalam menguasai 3M

Daripada pernyataan di atas, kanak-kanak bermasalah pembelajaran mempunyai masalah dalam tingkahlaku mereka, masalah neurological, fizikal, psikogikal dan masalah persekitaran. Oleh itu, guru, ibu bapa dan masyarakat perlu membantu kanak-kanak ini supaya mereka dapat belajar dengan baik.

Sebelum memasuki alam persekolahan, murid-murid pendidikan khas ini perlu berjumpa pengamal perubatan untuk disahkan kecacatan yang mengganggu proses pembelajarannya. Kecacatan yang dialami oleh murid-murid tersebut akan dikategorikan mengikut tahap-tahap tertentu, seperti penglihatan, terencat akal, masalah pembelajaran, pendengaran dan sebagainya. Setelah dikenalpasti jenis kecacatan, murid-murid ini akan dicadangkan penempatan persekolahan iaitu sama ada sekolah biasa, sekolah integrasi, sekolah pendidikan khas, pusat atau institusi terencat akal, pusat jagaan harian, institusi vokasional dan pemulihan alam komuniti. Murid-murid bermasalah pembelajaran akan memasuki sekolah integrasi dimana mereka akan ditempatkan di dalam kelas khas tetapi masih bersekolah di sekolah menengah akademik biasa. Mereka akan belajar mata pelajaran yang sama dengan pelajaran normal yang lain.

Kemahiran Hidup merupakan salah satu mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Walau bagaimanapun, kurikulum dan sukatan pelajarannya tidak sesukar pelajar normal yang lain. Ini bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka. Mereka perlu belajar secara teori dan amali sebagaimana pelajar normal yang lain.

Di dalam kajian ini, penyelidik ingin mengetahui persepsi pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran mengenai mata pelajaran Kemahiran Hidup yang telah mereka pelajari. Adakah mereka memahami apa yang diajar oleh guru Kemahiran Hidup kepada mereka? Adakah mereka dapat mengaplikasi apa yang dipelajari contohnya menanam sayur-sayuran di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Penyelidik juga ingin mengkaji adakah mereka mempunyai minat terhadap apa yang dipelajari.

### **Pernyataan Masalah**

Penyelidik mengkaji mengenai persepsi pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup. Aspek yang ingin dikaji ialah minat dan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup. Selain daripada itu penyelidik juga ingin mengkaji adakah pelajar mengaplikasikan bahagian amali mata pelajaran Kemahiran Hidup di dalam kehidupan seharian mereka.

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengkaji minat pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup
2. Mengkaji kefahaman pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran terhadap isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup
3. Mengkaji pengaplikasian kemahiran amali mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kehidupan seharian pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran.

## Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan atau diskriptif iaitu dengan mengambil data menggunakan soal selidik (Mohd Najib, 1999). Bagi kajian ini, pengumpulan data dan maklumat dibuat dengan menggunakan soal selidik yang dibina sendiri dan diberi kepada pelajar yang menjadi responden. Nilai Alpaha Cronbach untuk menguji kebolehpercayaan soalan soal selidik ialah 0.823. Tumpuan kajian ialah untuk mengetahui apakah persepsi pelajar Pendidikan Khas mengenai mata pelajaran Kemahiran Hidup yang mereka pelajari.

## Populasi Dan Responden Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik memilih pelajar-pelajar Pendidikan Khas bermasalah pembelajaran yang belajar di tiga buah sekolah menengah harian biasa dalam daerah Johor Bahru. Responden yang dipilih ialah pelajar yang belajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Responden merupakan pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang boleh membaca dan menulis sahaja. Hasil perbincangan dengan guru Penyelaras Pendidikan Khas di 3 buah sekolah menengah yang akan terlibat dengan kajian ini, hanya 30 responden sahaja yang terpilih. Ini kerana tidak semua pelajar Pendidikan Khas boleh menjawab soalan dengan baik. Mereka adalah pelajar istimewa yang mempunyai masalah seperti **sindrom down**, **autisme**, **haiperaktif**, terencat akal dan sebagainya. Jumlah responden adalah seperti di bawah.

## Bilangan Sampel Dan Sekolah

Jadual 1: Bilangan Sekolah dan Sampel

<b>Sekolah</b>	<b>Populasi</b>	<b>Responden</b>
SMK Taman Universiti	31	10
SMK Pasir Gudang 2	40	10
SMK Majidi Baru	30	10
<b>JUMLAH</b>	<b>101</b>	<b>30</b>

### Tempat

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah harian di Daerah Johor Bahru. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana sekolah ini terlibat dengan Program Integrasi (Percantuman) Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran.

### Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan kajian di sekolah, penyelidik terlebih dahulu memohon kebenaran Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (BPPP), Kuala Lumpur dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Setelah mendapat surat kebenaran dari Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (BPPP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor, penyelidikan bertemu dengan setiap pengetua sekolah menengah yang dipilih oleh penyelidik untuk mendapat kebenaran menjalankan kajian.

Semua soal selidik ini dijalankan di luar waktu peperiksaan dan hanya melibatkan pelajar yang terbabit sahaja. Tempoh masa yang diberi kepada responden untuk menjawab soalan ialah satu jam. Tempoh masa ini adalah dianggap bersesuaian dengan jumlah item soal selidik.

Penyelidik menyerahkan sendiri set soal selidik kepada responden kajian. Penyelidikan dan guru Pendidikan Khas sekolah terbabit sentiasa berada bersama responden ketika responden menjawab soal selidik. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat, penyelidik terlebih dahulu menerangkan kepada responden mengenai tujuan kajian, cara-cara menjawab soal selidik serta maklumat yang diberikan adalah menjadi rahsia. Kejujuran responden semasa menjawab juga ditekankan oleh penyelidik.

### Latar Belakang Responden

Bahagian ini membincangkan mengenai latar belakang responden pada Bahagian A soal selidik. Sebanyak 8 item soalan dibina bagi mendapatkan gambaran tentang latar belakang mereka. Soalan-soalan adalah tertumpu kepada jantina, umur keturunan, tempat tinggal, bilangan adik beradik, pekerjaan bapa atau penjaga, taraf pendidikan tertinggi bapa atau penjaga dan pendapatan bapa atau penjaga.

### Jantina

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Jantina

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	20	66.7
Perempuan	10	33.3
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

### Umur

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Umur

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
13-14 tahun	2	6.7
15-16 tahun	10	33.3
17-18 tahun	14	46.7
19 tahun	4	13.3
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>



## Bangsa

Jadual 4 : Taburan Responden Bangsa

<b>Keturunan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Melayu	22	73.3
Cina	6	20.0
India	2	6.7
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

## Tempat Tinggal

Jadual 5 : Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal

<b>Tempat Tinggal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Bandar	21	70.0
Luar Bandar	9	30.0
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

## Pekerjaan Bapa Atau Penjaga

Jadual 6 : Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Bapa atau Penjaga

<b>Jenis Pekerjaan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Bekerja sendiri	12	40.0
Kakitangan kerajaan	13	43.3
Kakitangan swasta	5	16.7
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

### Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa atasu Penjaga

Jadual 7 : Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa atau Penjaga

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak bersekolah	0	0
Darjah 6	6	20.0
SPM	18	60.0
Ijazah	6	20.0
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

### Pendapatan Bapa atau Penjaga

Jadual 8: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bapa atau Penjaga

Pendapatan Bapa/Penjaga	Bilangan	Peratus (%)
Kurang dari RM500	0	0
RM501-RM1000	9	30.0
RM1001-RM2000	15	50.0
RM2001-RM3000	3	10.0
Lebih dari RM3001	3	10.0
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

Jadual.9: Taburan Responden Mengikut Peratusan, Kekerapan dan Min Dari Aspek Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup

Bil.	Item	TS %	TP %	S %	Min %
1	Saya suka belajar memasak bersama rakan dan guru saya.	1 3.3%	5 6.7%	27 90%	2.87 (tinggi)
2	Saya suka belajar membeli bahan masakan di pasar.	2 6.7%	1 3.3%	24 90%	2.63 (tinggi)
3	Saya berminat untuk belajar menggunakan alatan kerja kayu seperti sesiku L dan gergaji tangan.	5 16.7%	1 3.3%	24 80%	2.87 (tinggi)

4	Saya berminat membuat kerja kayu bersama kawan-kawan.	4 13.3%	1 3.3%	25 83.3%	2.7 (tinggi)
5	Saya amat gembira apabila projek saya siap.	1 3.3%	0 0%	29 96.7%	2.93 (tinggi)
6	Saya amat suka berkebun terutama menanam sayur.	2 6.7%	8 26.7%	20 66.7%	2.6 (tinggi)
7	Saya suka mengutip hasil tanaman apabila sudah matang.	0 0%	3 10.0%	27 90%	2.89 (tinggi)
8	Saya suka belajar mata pelajaran Kemahiran Hidup	0 0%	0 0%	30 100%	3.0 (tinggi)
<b>Purata Peratusan Keseluruhan</b>		<b>6.3%</b>	<b>6.7%</b>	<b>87%</b>	<b>2.8%</b>

Jadual 10 : Taburan Responden Mengikut Peratusan, Kekerapan dan Min dari Aspek Kefahaman Pelajar Terhadap Isi Kandungan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>TS %</b>	<b>TP %</b>	<b>S %</b>	<b>Min %</b>
9	Saya boleh mengenalpasti peralatan memasak seperti kualiti, cerek, pinggan dan sebagainya.	0 0%	0 0%	30 100%	3.0 (tinggi)
10	Saya boleh menyebut jenis-jenis menu yang saya pelajari.	0 0%	0 0%	30 100%	3.0 (tinggi)
11	Saya menyiram sayur-sayuran 2 kali sehari supaya tanaman saya dapat membesar dengan baik.	0 0%	1 3.3%	29 96.7%	2.97 (tinggi)
12	Saya boleh menyebut jenis sayur-sayuran seperti bayam, kangkung dan sawi.	0 0%	1 3.3%	29 96.7%	2.97 (tinggi)
13	Saya boleh menerangkan langkah-langkah keselamatan di bengkel kayu.	1 3.3%	0 0%	29 96.7%	2.93 (tinggi)
14	Saya boleh mengenalpasti alatan tangan kayu seperti pembaris keluli, tukul kuku kambing dan gergaji.	0 0%	0 0%	30 100%	3.0 (tinggi)

15	Saya boleh mengenal jenis-jenis haiwan ternakan seperti kucing, arnab dan ayam.	0 0%	0 0%	30 100%	3.0 (tinggi)
16	Sebelum mencuci pakaian saya mesti mengasingkan pekaian mengikut jenis dan warna.	0 0%	1 3.3%	29 96.7%	2.97 (tinggi)
<b>Purata Peratusan Keseluruhan</b>		<b>0%</b>	<b>1.3%</b>	<b>98.7%</b>	<b>2.98%</b>

Jadual 11: Taburan Responden Mengikut Peratusan, Kekerapan dan Min dari Aspek Pengaplikasian Kemahiran Amali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di dalam Kehidupan Sehari-hari Pelajar

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>TS %</b>	<b>TP %</b>	<b>S %</b>	<b>Min %</b>
17	Saya tahu menggunakan mesin basuh dengan betul.	2 6.7%	1 3.3%	27 90.0%	2.83 (tinggi)
18	Setelah mencuci pakaian saya akan menjemur pakaian di bawah matahari supaya pakaian cepat kering.	0 0%	0 0%	30 100%	3.0 (tinggi)
19	Saya mencuci pakaian sekolah saya sendiri.	3 10.0%	1 3.3%	26 86.7%	2.77 (tinggi)
20	Saya suka membantu guru menutup tingkap dan pintu apabila habis belajar.	1 3.3%	0 0%	29 96.7%	2.8 (tinggi)
21	Saya membancuh minuman untuk ibu, bapa, kakak dan diri saya sendiri.	3 10.0%	0 0%	27 90.0%	2.8 (tinggi)
22	Saya selalu membantu ibu menghidang makanan.	2 6.7%	0 0%	28 93.3%	2.87 (tinggi)
23	Saya memasak masakan kegemaran saya sendiri dengan bantuan ibu saya.	2 6.7%	0 0%	28 93.3%	2.87 (tinggi)
24	Saya selalu membantu ibu mengemas meja makan.	1 3.3%	0 0%	29 96.7%	2.93 (tinggi)

25	Saya membantu ibu bapa membeli barang keperluan di pasar atau pasar raya.	1 3.3%	0 0%	29 96.7%	2.93 (tinggi)
	<b>Purata Peratusan Keseluruhan</b>	<b>5.6%</b>	<b>0.7%</b>	<b>93.7%</b>	<b>2.88%</b>

### **Rumusan Kajian**

Responden iaitu pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran meminati mata pelajaran Kemahiran Hidup. Mata pelajaran ini memberi mereka peluang untuk menunjukkan minat dan kebolehan mereka seperti perkebunan, masakan dan pertukangan. Mata pelajaran ini juga mempunyai isi kandungan yang boleh difahami oleh responden dan mengikut kemampuan responden.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup memberi kemahiran asas kepada responden dalam aspek pemeliharaan haiwan, mendobi dan juga menjahit. Kemahiran ini boleh diaplikasikan di dalam kehidupan seharian mereka. Mata pelajaran ini juga dapat mendidik pelajar supaya berdikari, membantu ibu bapa dan dapat menjadi rakyat yang berguna kelak.

### **Cadangan**

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, penyelidik meyenaraikan beberapa cadangan yang boleh dimanfaatkan.

- a) Guru-guru Pendidikan Khas yang mengajar Kemahiran Hidup perlu lebih peka mengenai pelajar mereka.
- b) Bakal guru Pendidikan Khas pula perlu bersedia menghadapi cabaran mengajar pelajar yang istimewa ini. Guru perlu menyedari bahawa mereka adalah insan yang terpilih perlu menghadapi kerenah mereka kerana mata pelajaran ini mempunyai kemahiran amali yang perlu diajar kepada pelajar.
- c) Pihak Kementerian Pendidikan iaitu Pusat Pengembangan Kurikulum dan Bahagian Penyelidikan perlu lebih peka ketika menggubal kurikulum Pendidikan Khas ini. Isi

kandungan mata pelajaran perlulah disesuaikan dengan tahap pelajar dan mengikut perkembangan pendidikan semasa.

- d) Pihak Jabatan Pendidikan Khas perlu mengadakan kursus-kursus kepada guru-guru Pendidikan Khas. Kursus ini penting kerana guru perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran sebelum mengajar.

## Penutup

Kertas kerja ini adalah untuk mengkaji mengenai pelajar Pendidikan Khas yang belajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Walaupun pelajar-pelajar ini lemah dari segi akademik namun mereka juga mempunyai minat dan bakat seperti pelajar lain. Kesungguhan mereka untuk belajar akan dapat memberi kejayaan di dalam kehidupan. Kejayaan pelajar Pendidikan Khas juga banyak bergantung kepada sokongan dari ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling.

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ainon Mohd, Abdullah Hassan (2002). *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Azmi Abu Bakar & Lee Lay Wah (2004). *Penilaian Aplikasi Multimedia Untuk Mengajar Kemahiran Membaca Kepada Pelajar Bermasalah Pembelajaran* Projek Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Tee Tee, Koh Boh Boon (1992). *Pendidikan Khas dan Pemulihan Bacaan Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jabatan Pendidikan Khas (2003). *Sukaktan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (2004). *Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (2004). *Stesen Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Juwita bt. Ahmad (2003). *Penguasaan Guru-guru Pendidikan Khas Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Kurikulum Pendidikan Khas Program Integrasi Bermasalah Pembelajaran*. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran (1992). *Pusat Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*, Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum
- Mohd Izham bin Mohd Hamzah & Noriah Mohd Ishak (2004). *Implementasi Perubahan Terancang Dalam Pendidikan: Cabaran Kelas Pendidikan Khas Di Sekolah Bestari*. Projek Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Najib (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sharani Ahmad (2004). *Mengurus Kanak-kanak Yang Susah Belajar*. Bentong: PTS Publications & Disetributors.
- Musa Abdul Wahab (2004). *Ciri-ciri Disleksia Di Kalangan Murid Pemulihan*. Projek Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Panel Latihan Unit Pendidikan Khas (1999). *Definisi, Konsep dan Dasar Pelaksanaan Dalam Pendidikan Khas*. Johor : Unit Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
- Pua Yoke Fang & Mohd Mohktar Tahar (2004). *Anak Autisme: Cabaran Ibu Bapa*. Projek Projek Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surean Husin (1989). *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zahara Aziz, Norazah Mohd Nordin dan Fatimah Tambi (2004). *Pendekatan Pendidikan Bagi Menangani Sindrom Prader-Will (SPW)*. Projek Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuriyah bt. Hj. Johari (2002). *Masalah-masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Pendidikan Khas Program Integrasi Bermasalah Pembelajaran Di dalam Menyampaikan Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.